

PERSONALITI



PROFIL

Mohamad Syawaludin Syafiq Hassan

Asal: Kuala Terengganu, Terengganu
Umur: 24 tahun
Cita-cita: Jurutera dan atlet berjaya
Hobi: Melancong dan bermain permainan komputer
Pengajian:
 • Sarjana Muda

Kejuruteraan Elektrik & Elektronik UMP
 • Sarjana Kejuruteraan Elektrik UMP (masih dalam pengajian)
Pencapaian:
 • Anugerah Olahragawan UMP (2009)
Antarabangsa:
 • Pingat gangsa Kejohanan Asia Cup, Ho Chi Minh City, Vietnam (2003)



Syawaludin pengasas petanque UMP

Oleh Rosniza Mohd Taha
 yoniza@bh.com.my

Gambang

Impian mewujudkan pasukan petanque Universiti Malaysia Pahang (UMP) tercapai pada 2011, selepas setahun Mohamad Syawaludin Syafiq Hassan berusaha bersama-sama Pusat Sukan universiti itu.

Pelajar Sarjana Kejuruteraan Elektronik itu juga membataskan pembabitannya dalam aktiviti kepimpinan demi membangunkan kekuatan UMP dalam permainan yang berasal dari Perancis itu.

Pengorbanan beliau tidak sia-sia terutama apabila UMP dinobatkan sebagai johan keseluruhan acara petanque mengambil sempena Kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) tahun lalu dengan pungutan enam

pingat emas, dua perak dan satu gangsa.

Pasukan UMP juga menyerlah dalam Kejohanan Petanque Sirkuit Zon Pantai Timur baru-baru ini apabila meraih tiga pingat emas, dua perak dan tiga gangsa, walaupun sekadar diwakili atlet pelapis.

Dapat bimbingan jurulatih

Ketika ini, UMP memiliki 26 atlet petanque, yang 12 daripadanya pemain senior manakala 14 lagi atlet pelapis.

Pendedahan menerusi penyertaan dalam pertandingan petanque peringkat tempatan dan antarabangsa sejak di sekolah menengah sehingga universiti memberi kelebihan kepada Mohamad Syawaludin Syafiq untuk menjadi pengasas permainan

itu di UMP.

"Saya mendapat bimbingan jurulatih petanque Kelantan semasa awal pembabitannya dalam sukan petanque di sekolah menengah, malah berpeluang berguru dengan jurulatih dari Thailand sebagai persediaan mewakili negeri dalam kejohanan peringkat kebangsaan.

"Saya berehat bagi memberi tumpuan kepada peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan matrikulasi sebelum kembali aktif dan mewakili Pahang selepas menyambung pengajian di UMP. Bagi memastikan pengajian tidak terjejas, saya memilih untuk terus aktif dalam sukan petanque dan mengorbankan aktiviti kepimpinan," katanya.

Atur strategi

Terdedah kepada cuaca panas terik dan hujan

bukan isu utama, sebaliknya mengawal diri untuk berenang supaya mampu memikirkan strategi yang sesuai merupakan cabaran utama bagi dirinya.

Beliau berkata, keupayaan berfikir dengan pantas dan mencatur strategi taktikal penting bagi menguasai pertandingan.

"Kejayaan pasukan petanque UMP ketika ini amat membanggakan dengan pelbagai kemenangan dan sejarah tercipta. Fokus saya kini ialah membantu meningkatkan prestasi pasukan universiti.

"Hasrat saya untuk melahirkan pasukan pelapis generasi ketiga di UMP apabila tamat pengajian sarjana di universiti ini," katanya.

Bagi tujuan itu, beliau mengikuti kursus kejurulatihan dan kini memiliki Sijil Jurulatih Tahap Satu daripada Persatuan Petanque Malaysia yang melayakkannya menjadi jurulatih sambil sukan petanque di UMP mulai tahun ini.

